

13H 10M DISCOVER THE MEDITERRANEAN - MALTA, SICILY & TUNISIA EXPERIENCE

Menyusuri Kota Bersejarah, Keunikkan Tradisi & Keindahan Alam Mediterranean

Tarikh	Musim	HARGA SEORANG					Saiz Kumpulan (pax)
		SPECIAL! EARLY BIRD (Berdua/Bertiga)	Bilik Berdua / Bertiga	Single SUPP	Kanak-kanak dengan katil	Kanak-kanak tanpa katil (Up to 5yrs)	
2026							
22 Sep – 04 Okt	Autumn	RM14,490	RM14,990	RM3,000	RM13,990	RM12,990	12 - 16
13 Okt – 25 Okt	Autumn	RM14,490	RM14,990	RM3,000	RM13,990	RM12,990	
20 Okt – 01 Nov	Autumn	RM14,490	RM14,990	RM3,000	RM13,990	RM12,990	
2027							
30 Mar – 11 Apr	Spring	RM14,490	RM14,990	RM3,000	RM13,990	RM12,990	12 - 16
27 Apr – 09 Mei	Spring	RM14,490	RM14,990	RM3,000	RM13,990	RM12,990	
25 Mei – 06 Jun	Spring	RM14,490	RM14,990	RM3,000	RM13,990	RM12,990	
PROMOSI EARLY BIRD TERHAD KEPADA 10 PENDAFTAR YANG PERTAMA!							
SURCHARGE RM500/SEORANG UNTUK SAIZ KUMPULAN 9-11 PAX							
EXTRA DISCOUNT		SENIOR CITIZEN – RM150 / PAX (58 TAHUN KE ATAS)		INSTANT CASHBACK REWARDS – UP TO RM140 / PAX		LOYALTY DISCOUNT – RM200/ PAX	

Pakej Termasuk:

- Tiket penerbangan antarabangsa kelas ekonomi
- Tiket penerbangan domestic Malta ke Tunis dengan bagasi 20kg
- Penginapan 10 malam di hotel bertaraf tourist class
- Sarapan pagi setiap hari
- Makan tengahari dan makan malam seperti dalam aturcara (Halal/Seafood)
- Lawatan dan pengangkutan seperti aturcara
- Tiket masuk ke lokasi lawatan seperti aturcara
- Tour guide berbahasa Inggeris
- Diringi oleh Tour Leader yang berpengalaman

Pakej Tidak termasuk:

- Tips RM300 seorang
- ETIAS Europe
- Insurans perjalanan RM174 seorang (Etiqa Takaful Insurance / Pelan Platinum – umur 70 tahun ke atas tertakluk kepada surcaj)
- Lawatan dan makan selain dari dalam aturcara
- Perkara lain yang tidak termasuk dalam aturcara

MAKLUMAT PENERBANGAN:

TK 61 KULIST 2345 0520
TK1369 ISTMLA 0750 0915
UG1301 MLATUN 1230 1340
TK 664 TUNIST 1725 2220
TK 60 ISTKUL 0140 1705

DEPOSIT: RM3000/seorang
HUBUNGI: OFFICE / AISHAH / ZAWATI
0390572324 / 0173496008 / 0192277253



***Nota: Kadar tertakluk kepada perubahan tanpa notis awal sekiranya berlaku pengurangan bilangan peserta, turun naik mata wang serta sebarang surcaj bahan api yang dikenakan oleh syarikat penerbangan.**

HARI 1: BERTOLAK DARI KUALA LUMPUR

Berkumpul di KLIA 4 jam sebelum berlepas.

HARI 2: TIBA DI MALTA – LAWATAN VALLETTA & SLIEMA (MT)


Tiba di Lapangan Terbang Malta pada waktu pagi dan disambut oleh wakil tempatan. Setelah itu, terus memulakan lawatan setengah hari ke ibu kota **Valletta**, sebuah bandar bersejarah yang diiktiraf sebagai

Tapak Warisan Dunia UNESCO. Lawatan bermula dengan berhenti bergambar di **Siege Bell Memorial** dan **Fort St. Elmo**, sambil menikmati pemandangan indah menghadap **Grand Harbour**.

Seterusnya, saksikan tayangan **The Malta Experience**, persembahan audio-visual yang menarik mengenai sejarah Malta dari zaman prasejarah hingga era moden – memberikan pemahaman mendalam tentang warisan dan budaya kepulauan ini.

Selepas makan tengah hari, lawatan pilihan (optional) ke **Popeye Village** (RM150 seorang) – perkampungan filem asal tahun 1980 yang kini menjadi taman tema tepi laut dengan suasana ceria dan pemandangan Mediterranean yang menakjubkan.

Selesai lawatan, bertolak ke hotel untuk daftar masuk dan berehat. Waktu malam bebas untuk meneroka kawasan sekitar atau bersantai di tepi laut Mediterranean. Bermalam di **Malta**.



HARI 3: MALTA – BLUE GROTTTO – MARSAXLOKK – DINGLI CLIFFS – MDINA (MT)

Selepas sarapan pagi di hotel, lawatan penuh hari bermula menuju ke **Blue Grotto**, keajaiban semula jadi di pesisir selatan Malta. Kawasan ini terkenal dengan air lautnya yang jernih serta jaringan enam gua laut yang menakjubkan. Anda berpeluang menaiki bot untuk meneroka gua-gua kecil di sini (*bergantung kepada cuaca*).

Seterusnya, perjalanan diteruskan ke **Marsaxlokk**, perkampungan nelayan tradisional yang terkenal dengan bot berwarna-warni dikenali sebagai *luzzus*. Nikmati masa bebas berjalan di pasar tepi laut yang menjual hasil laut segar, cenderamata tempatan, dan makanan ringan Mediterranean.

Selepas makan tengahari, lawatan diteruskan ke **Mdina**, bandar berdinding yang pernah menjadi ibu kota Malta pada zaman pertengahan. Dikenali juga sebagai *"The Silent City"*, bandar ini terkenal dengan lorong-lorong sempit, seni bina klasik dan suasana bersejarahnya. Luangkan masa bebas menikmati pemandangan dari **Fontanella Tea Garden**, kafe popular yang menawarkan panorama indah seluruh pulau.

Sebelum kembali ke hotel, singgah di **Dingli Cliffs**, titik tertinggi di Malta yang menawarkan pemandangan Laut Mediterranean yang luar biasa – tempat terbaik untuk bergambar dan menikmati keindahan alam semula jadi.

Kembali ke hotel dan bermalam di **Malta**.



Marsaxlokk



Blue Grotto



Mdina

HARI 4: FULL DAY VALETTA (SP/MT)

Selepas sarapan pagi di hotel, bertolak ke ibu kota **Valletta**, sebuah bandar bersejarah yang diiktiraf sebagai Tapak Warisan Dunia UNESCO. Lawatan bermula di **Upper Barrakka Gardens**, taman indah di atas benteng kota yang menawarkan pemandangan panoramik ke arah **Grand Harbour** dan **Tiga Bandar** di seberang pelabuhan.

Seterusnya, masa bebas untuk menikmati pengalaman unik menaiki **Valletta Fun Train**, yang membawa pengunjung menjelajah sekitar bandar dalam suasana santai.

Selepas itu, bertolak ke **Sliema** untuk menaiki pelayaran mengelilingi dua pelabuhan utama Malta – **Marsamxett Harbour** dan **Grand Harbour**. Nikmati pemandangan indah benteng lama, kubu dan dok kapal dari sudut laut yang menonjolkan keunikan seni bina bersejarah **Valletta** dan **Tiga Bandar**.

Pada sebelah petang, lawatan diteruskan ke **Birgu (Città Vittoriosa)**, salah satu daripada **Tiga Bandar** yang terletak di tepi Grand Harbour. Bandar kubu ini terkenal dengan lorong-lorong batu yang sempit, bangunan klasik serta mercu utama **Fort St. Angelo**, yang pernah menjadi markas penting bagi Knights of St. John.

Akhir sekali, kembali ke hotel untuk bermalam.



Valletta



Sliema Cruise Harbour



Birgu

HARI 5: FULL DAY SICILY (SP/MT)

Awal pagi, ambil feri untuk ke Bandar **Pozzallo** untuk nikmati Tour seharian di **Sicily**. Tiba di **Pozzallo**, sebuah perkampungan nelayan di Sicily yang kini memainkan peranan sebagai pelabuhan utama di wilayah Ragusa. Perjalanan diteruskan dengan menaiki bas berhawa dingin bersama guide berbahasa Inggeris.

Dalam perjalanan ke **Gunung Etna**, singgah untuk mencuba pelbagai hidangan istimewa Sicily seperti manisan badam dan madu. Produk-produk tempatan ini juga tersedia untuk dibeli sebagai buah tangan.

Tiba di **Gunung Etna**, lawatan bermula di **Kawah Sylvestri** yang terletak pada ketinggian 2000 meter. Dari sini, nikmati pemandangan panoramik kawasan luas sekitar **Etna** serta kesan-kesan letusan terbaru. Anda juga berpeluang untuk membeli cenderamata khas Sicily.

Perjalanan diteruskan ke **Taormina**, sebuah bandar yang terkenal dengan pemandangan indah

menghadap **Giardini Naxos**, bekas koloni Yunani yang kini menjadi pusat pelayaran antarabangsa. Nikmati masa bebas untuk bersiar-siar dan menikmati keunikan suasana **Taormina**. Waktu makan tengah hari disini.

Kembali ke **Malta** pada jam 9:30 malam.



Feri Sicily



Gunung Etna



Taormina

HARI 6: MALTA – TUNISIA BY FLIGHT (SP)

Selepas sarapan, nikmati masa bebas sebelum bertolak ke lapangan terbang untuk penerbangan ke **Tunis**.

Setibanya di **Tunis**, makan tengahari di restoran tempatan (kos sendiri). Kemudian daftar masuk. Masa santai di sekitar hotel.



Malta



Tunis



Shopping Street

HARI 7: TUNIS – PORT EL KANTAQUI – SOUSSE (SP/MT/MM)

Selepas sarapan pagi di hotel, mulakan lawatan pertama ke **Bardo Museum**, salah satu muzium paling penting di Afrika Utara yang terkenal dengan koleksi mozek Romawi terbesar di dunia. Di sini, anda dapat menelusuri sejarah dan tamadun purba Tunisia melalui pelbagai artifak dan peninggalan berharga yang dipamerkan.

Seterusnya, lawatan diteruskan ke **Archaeological Site of Carthage**, kota purba yang pernah menjadi pusat empayar Phoenician dan kemudiannya Rom. Kini tersenarai sebagai **Tapak Warisan Dunia UNESCO**, kawasan ini menampilkan pelbagai peninggalan bersejarah seperti **Baths of Antoninus**, sisa kuil dan teater Rom.

Perjalanan diteruskan ke **Sidi Bou Said**, sebuah kampung ikonik yang terkenal dengan bangunan bercat **putih dan biru** serta pemandangan Laut Mediterranean yang indah. Kampung ini dinamakan sempena tokoh sufi terkenal, **Sidi Bou Said**, yang hidup pada abad ke-13. Di sini, anda akan berhenti bergambar di sekitar kampung dan lawatan ke Mausoleum **Sidi Bou Said**, serta menunaikan solat di **Masjid Sidi Bou Said** yang terletak berdekatan kawasan bukit menghadap laut.

Kemudian, bertolak ke **Port El Kantaoui** berhampiran **Sousse** – kawasan peranginan moden yang terkenal dengan marina mewah, butik, dan deretan kafe antarabangsa. Luangkan masa santai di **Hard Rock Café** untuk membeli cenderahati. Selesai lawatan, terus ke bandar **Sousse** untuk daftar masuk hotel. Makan malam buffet disediakan di hotel.



Sidi Bou Said



Bardo Museum



Port El Kantaoui

HARI 8: SOUSSE – KAIROUAN – TOZEUR (SP/MT/MM)

Selepas sarapan pagi di hotel, bertolak dari Sousse menuju ke **Kairouan**, kota umat Islam di Tunisia dan salah satu bandar tertua di Afrika Utara. Lawatan bermula di **Masjid Besar Kairouan (Great Mosque of Sidi Okba)**, antara masjid tertua di dunia Islam yang dibina pada abad ke-7. Masjid ini menjadi mercu tanda penting dalam sejarah penyebaran Islam di Maghribi dan Afrika Utara.

Seterusnya, kunjungan ke **Makam Sidi Sahbi (Barber's Mausoleum)**, tempat persemadian sahabat Nabi Muhammad SAW yang dikenali kerana menyimpan sehelai rambut Rasulullah. Di sini, anda berpeluang menunaikan solat di **Masjid Besar Kairouan** serta menikmati suasana di bandar ini.

Selepas itu, luangkan masa untuk membeli-belah di **Kairouan Bazaar**, yang terkenal dengan karpet buatan tangan, tembikar dan barangan tradisional Tunisia.

Selesai makan tengah hari, perjalanan diteruskan ke **Tozeur**, bandar oasis yang terkenal dengan pemandangan padang pasir dan pohon tamar yang subur.

Setibanya di sana, daftar masuk hotel dan berehat. Makan malam buffet disediakan di hotel dan bermalam di **Tozeur**.



Great Mosque of Kairouan



Barbier Mausoleum



Pasar Kairouan

HARI 9: TOZEUR DESERT SAFARI (SP/MT/MM)

Selepas sarapan pagi di hotel, bersiap sedia untuk pengalaman luar biasa menjelajah **padang pasir Tozeur** dengan kenderaan **4x4 Jeep**. Lawatan bermula menuju ke **Chebika, Tamerza** dan **Ong Jmel**, tiga destinasi unik di kawasan gurun barat Tunisia.

Di **Chebika** dan **Tamerza**, nikmati keindahan oasis semula jadi yang terkenal dengan pemandangan air terjun, tebing berbatu dan lembah menghijau di tengah padang pasir. Di **Ong Jmel**, anda akan disajikan panorama padang pasir luas dengan formasi batu yang menakjubkan – lokasi terkenal yang sering dijadikan latar filem antarabangsa.

Selepas makan tengah hari, perjalanan diteruskan dengan lawatan **bandar Tozeur lama (Old Town)**. Di sini, anda boleh melihat seni bina tradisional yang diperbuat daripada batu bata lumpur khas oasis, serta menikmati suasana autentik kehidupan masyarakat tempatan.

Selesai lawatan, daftar masuk ke hotel dan berehat. Nikmati makan malam buffet di hotel dan bermalam di **Tozeur**.



Tozeur Oasis



Mos Espa



Souq Tozeur

HARI 10: TOZEUR – MATMATA – SFAX (SP/MT/MM)

Selepas sarapan pagi di hotel, bertolak meninggalkan **Tozeur** menuju ke **Chott El Djerid**, tasik garam terbesar di Tunisia yang terbentang luas di antara **Tozeur** dan **Kebili**. Berhenti seketika untuk bergambar dan menikmati panorama unik tasik ini yang terkenal dengan pantulan cahaya matahari di permukaannya – seolah-olah cermin semula jadi di tengah padang pasir.

Perjalanan diteruskan ke **Matmata**, sebuah kawasan berbukit yang terkenal dengan rumah gua tradisional masyarakat Berber. Di sini, anda akan berpeluang melawat **rumah gua milik keluarga tempatan**, menyaksikan sendiri kehidupan harian mereka serta menikmati roti buatan tangan bersama madu dan teh pudina, satu simbol keramahan tradisional masyarakat Berber.

Seterusnya, lawatan diteruskan ke **Sidi Driss**, lokasi ikonik yang pernah digunakan sebagai **tapak penggambaran filem Star Wars: A New Hope**. Struktur rumah gua di sini mengekalkan keaslian seni bina dan menjadi antara tempat paling menarik untuk dikunjungi oleh penggemar filem serta pencinta budaya tempatan.

Selesai lawatan, perjalanan diteruskan ke **Sfax**, bandar kedua terbesar di Tunisia yang terkenal dengan Medina bersejarahnya serta suasana tempatan yang masih mengekalkan tradisi Arab asli. Setibanya di sana, daftar masuk hotel dan nikmati makan malam buffet.



Chott El Jerid



Rumah gua sebuah keluarga Berber



Sidi Driss

HARI 11: SFAX- EL JEM – SOUSSE - HAMMAMET (SP/MT/MM)

Selepas sarapan pagi di hotel, bertolak dari **Sfax** menuju ke **El Jem**, sebuah bandar kecil yang terkenal dengan **Amphitheatre of El Jem**, antara struktur Romawi terbesar dan paling terpelihara di dunia. Bangunan megah ini dibina sekitar abad ke-3 Masihi dan mampu memuatkan lebih 30,000 penonton pada zaman kegemilangannya. Lawatan ini memberi peluang untuk menyaksikan kehebatan seni bina Rom purba yang menjadi simbol sejarah Tunisia.

Perjalanan diteruskan ke **Sousse**, sebuah bandar tepi laut yang kaya dengan warisan sejarah dan budaya. Setibanya di sana, singgah di **Medina of Sousse** (photo stop), kawasan yang diiktiraf sebagai Tapak Warisan Dunia UNESCO.

Seterusnya, menunaikan solat di **Masjid Besar Sousse (Sousse Big Mosque)**, antara masjid tertua di Tunisia yang dibina pada abad ke-9 dan terkenal dengan reka bentuknya yang sederhana tetapi penuh nilai sejarah. Selesai solat, luangkan masa **membeli-belah di Sousse Bazaar**, pasar tradisional yang

menawarkan pelbagai barangan seperti tekstil, minyak zaitun, rempah ratus, kraftangan dan cenderamata tempatan.

Kemudian, meneruskan perjalanan ke **Hammamet**, destinasi peranginan pantai yang terkenal dengan suasana santai dan pemandangan Laut Mediterranean yang indah. Setibanya di sana, daftar masuk hotel dan nikmati makan malam buffet.



Amphitheater El Jem



Sousse Medina



Hammamet

HARI 12: HAMMAMET – TUNIS – PENERBANGAN BALIK (SP/MT)

Sarapan pagi di hotel dan daftar keluar. Bertolak menuju ke **Nabeul**, sebuah bandar pesisir yang terkenal sebagai pusat pengeluaran tembikar tradisional Tunisia. Di sini, anda akan menyaksikan demonstrasi pembuatan tembikar secara tradisional, menyelami seni halus dan ketelitian tangan tukang tempatan yang diwarisi turun-temurun. Anda juga berpeluang membeli cenderamata hasil kraftangan tempatan.

Seterusnya, meneruskan perjalanan ke **Tunis**, ibu negara Tunisia yang moden namun masih mengekalkan keaslian sejarahnya. Lawatan bermula di **Old Medina of Tunis**, kawasan lama yang tersenarai sebagai Tapak Warisan Dunia UNESCO, di mana lorong-lorong sempitnya dipenuhi kedai rempah, tekstil, minyak zaitun dan barangan tembikar. Luangkan masa untuk membeli-belah di **Tunis Souk**.

Selepas makan tengah hari di restoran tempatan, bertolak ke Lapangan Terbang Antarabangsa Tunis bagi urusan penerbangan pulang.



Nabeul



Tunis



Tunis Souk

HARI 13: TIBA DI KUALA LUMPUR, MALAYSIA

Tiba di Kuala Lumpur dengan kenangan manis. Alhamdulillah

Jadual perjalanan ini disediakan sebagai panduan dan tertakluk kepada perubahan mengikut keadaan semasa.

SENARAI PENGINAPAN:

Bandar	Hotel
Malta	The Waterfront Hotel atau setaraf
Kairouan	Golden Yasmine La Kasbah atau setaraf
Tozeur	Golden Yasmine Ras Elain atau setaraf
Sfax	Golden Yasmin Les Oliviers atau setaraf
Hammamet	Le Royal Hammamet atau setaraf

Tertakluk kepada terma & syarat.

MYZARRA TRAVEL & SERVICES SDN BHD
 (737897-W) (KPK/LN:7712)
 4-2, JALAN TASIK SELATAN 3,
 BANDAR TASIK SELATAN, 57000 CHERAS,
 WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR
 TEL: +603 9057 2324 | WHATSAPP: +6019 2277 253
 EMAIL: zarratravel@yahoo.com / sales.myzarra@gmail.com